KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT

SKIM KUMPULAN WANG AMANAH KONTRAKTOR (SKWAK)

Merupakan bantuan wang pendahuluan kepada kontraktor Bumiputera Gred G1 hingga G5 untuk memulakan kerja kontrak/Inden kerja Persekutuan

KELAYAKAN KONTRAKTOR

- Gred G1 hingga G5 yang berdaftar dengan CIDB;
- Memiliki Sijil Taraf Bumiputera yang masih aktif;
- Melaksanakan projek bernilai tidak melebihi RM5.0 juta; dan
- Modal dan tenaga pengurusan dimiliki dan dikuasai oleh Bumiputera 100%.

SYARAT- SYARAT PINJAMAN

- Permohonan yang diluluskan layak menerima pinjaman sebanyak 25% daripada Nilai Kerja Pembina atau Nilai Inden;
- Pinjaman yang diluluskan hendaklah digunakan khusus untuk perbelanjaan yang berkaitan dengan kerja-kerja kontrak;
- Pinjaman adalah bagi satu kerja sahaja pada sesuatu masa; dan
- Peminjam hendaklah menguruskan sendiri kerja-kerja kontrak yang berkenaan dan tidak boleh sama sekali menyerahkan kerja-kerja itu kepada pihak-pihak lain.

TATACARA PERMOHONAN

- Borang permohonan boleh diperolehi daripada BPKU Cawangan Negeri atau boleh dimuat turun di **www.med.gov.my;**
- Setiap permohonan perlu disertakan dokumen sokongan seperti yang dinyatakan di dalam borang permohonan, dan dikemukakan kepada BPKU Cawangan Negeri untuk diproses;
- Permohonan hanya akan diproses apabila dokumen lengkap diterima; dan
- Kelulusan pinjaman adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa.

DKN 2030
Dasar Keusahawanan Nasional
"Negara Keusahawanan Unggul 2030"

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- Borang permohonan pinjaman yang telah lengkap diisi;
- Surat Setuju Terima Tender (LA), bagi kontrak dimana pinjaman pendahuluan diperlukan atau Inden Kerja;
- Ringkasan tender;
- Surat Daftar Perniagaan (Borang A/B jika urusniaga kepunyaan perseorangan/perkongsian; atau Borang 24, Borang 29, 44 jika urus niaga jenis Sdn. Bhd.);
- Borang Pendaftaran Syarikat SSM (Borang D untuk milikan tunggal; Borang 9 untuk jenis Sdn. Bhd);
- Sijil Pendaftaran Kontraktor dari CIDB;
- Sijil Taraf Bumiputera dari BPKU;
- Carta organisasi syarikat dan lampiran tapak projek yang telah diluluskan oleh JKR;
- Salinan penyata bulanan akaun bank bagi tiga (3) bulan terakhir;
- Salinan penyata akaun tahunan syarikat yang terkini setelah diaudit dan disahkan oleh Pendaftar Syarikat; dan
- Membuat akuan sumpah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah atau Hakim Mahkamah Sesyen bahawa pemohon tidak ada menerima pinjaman kewangan dari bank/agensi lain.

SOALAN-SOALAN LAZIM

1 Apa itu SKWAK?

Merupakan bantuan wang pendahuluan kepada usahawan Bumiputera di mana kontraktor gred G1 sehingga G5 yang mendapat kontrak kerja Persekutuan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) layak memohon berdasarkan syarat yang ditetapkan.

2 Berapakah nilai pinjaman SKWAK ?

Jumlah pinjaman SKWAK tertakluk kepada maksimum 25% daripada Nilai Kerja Pembina

Nilai Kerja Pembina (Builder's Work) didefinisikan sebagai Nilai Kontrak Kerja ditolak (-) (Wang Peruntukan Sementara + Kos Prima + amaun jumlah Surat Ikatan Penyerahan Hak Kontraktor yang ditandatangani oleh kontraktor tersebut).

3 Bagaimanakah pengagihan dana SKWAK dilaksanakan?

30% daripada nilai pinjaman yang diluluskan akan diagihkan kepada pembekal/vendor Bumiputera yang berdaftar dengan BPKU.

4 Bagaimanakah cara pembayaran balik pinjaman SKWAK?

Bayaran balik pinjaman akan dibuat dengan kerjasama JKR berdasarkan potongan daripada bayaran interim atau kemajuan projek kontraktor.

5 Siapakah yang memantau prestasi peminjam SKWAK?

Pemantauan kemajuan fizikal kerja dan prestasi pembayaran SKWAK dipantau oleh wakil BPKU di peringkat Negeri bersama-sama dengan Pegawai Penyelia projek melalui mesyuarat tapak.

6 Apakah kesan jika GAGAL membuat bayaran balik pinjaman SKWAK?

Sekiranya peminjam gagal menyelesaikan pinjaman, Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh BPKU dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh CIDB akan ditarik balik.

HUBUNGI KAMI

Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Cawangan Negeri Perlis Tingkat 9, Bangunan Persekutuan Persiaran Jubli Emas 01000 Kangar, Perlis No. Tel: 04-976 9029	Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Cawangan Negeri Melaka Aras 2, Wisma Persekutuan Jalan Business City Jalan Hang Tuah Jaya 75450 Ayer Keroh, Melaka No. Tel: 06-234 5877
Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Cawangan Negeri Kedah Wisma Persekutuan, Aras G, Zon C Pusat Pentadbiran Kerajaan Anak Bukit 06550 Bandar Muazzam Shah, Kedah No. Tel: 04-700 1425	Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Cawangan Negeri Johor Tingkat 6, Blok B, Wisma Persekutuan, Jalan Ayer Molek 80000 Johor Bahru, Johor Darul Takzim No. Tel: 07-223 8012
Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Cawangan Negeri Pulau Pinang Tingkat 8, Bangunan Persekutuan 10400 Georgetown, Pulau Pinang No.Tel: 04-226 4600	Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Cawangan Negeri Pahang Tingkat 9, Wisma Persekutuan Jalan Gambut 25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur No. Tel: 09-513 2207
Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Cawangan Negeri Perak Tingkat 3, Blok A, Bangunan Persekutuan Jalan Dato' Seri Ahmad Said 30450 Ipoh, Perak No.Tel: 05-253 9529	Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Cawangan Negeri Terengganu Tingkat 3, Wisma Majlis Agama Islam Jalan Banggol 20100 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman No. Tel: 09-623 2911
Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Cawangan Negeri Selangor Tingkat 3, Fasa III, Kompleks PKNS 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan No. Tel: 03-5512 0130/0131	Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Cawangan Negeri Kelantan Lot 226D & E, Tingkat 1 & Bawah, Wisma Salma, Jalan Langgar Off Jalan Sultan Yahya Petra 15200 Kota Bahru, Kelantan No. Tel: 09-744 9223
Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Cawangan Wilayah Persekutuan Aras 5, Blok Podium, Menara Usahawan No 18, Persiaran Perdana, Presint 2 62652 Putrajaya No. Tel: 03-8880 5336	Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Cawangan Negeri Sabah Suite 5-04, 5th Floor Menara MAA, Peti Surat 41 88000 Kota Kinabalu, Sabah No. Tel: 088- 267 791
Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Cawangan Negeri Sembilan Tingkat 3, Wisma Persekutuan 70503 Seremban Negeri Sembilan Darul Ehsan No. Tel: 06-765 1616	Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Cawangan Negeri Sarawak Tingkat 9, Bangunan Sultan Iskandar Jalan Simpang Tiga 93592 Kuching, Sarawak No. Tel: 082-424 850